



SIARAN MEDIA

Untuk Siaran Segera

Great Eastern Takaful Lancar *i-Medi Evolusi Rider*: Penanda Aras Baharu dalam Perlindungan Perubatan

Rider baharu yang memastikan penilaian tepat dengan penjagaan berhemah dari gejala awal hingga rawatan kecemasan dengan jelas, selesa dan penuh yakin.

13 Ogos 2025, Kuala Lumpur – Great Eastern Takaful Berhad (GETB) mengumumkan pelancaran rider perubatan terbaharu mereka, **i-Medi Evolusi**. Rider ini direka khas untuk menawarkan pengalaman perlindungan yang lebih mudah, tersusun dan lancar kepada para pelanggan, yang menyokong setiap peringkat rawatan bermula dari lawatan awal ke klinik, kemasukan ke hospital, hinggalah ke rawatan kecemasan.

i-Medi Evolusi Rider bermula dengan penilaian awal di klinik panel yang tersenarai di bawah rangkaian *The Great Journey Clinic*. Dengan mengutamakan kesejahteraan para pelanggan, mereka yang memerlukan rawatan segera boleh mendapat konsultasi dan rawatan pantas, di mana pegawai perubatan akan menilai keadaan mereka dengan teliti dan memberikan panduan sama ada kemasukan ke hospital adalah diperlukan. Sekiranya pelanggan didiagnosis dengan salah satu daripada lapan penyakit yang dilindungi termasuk Demam Denggi, Virus Zika, Demam Chikungunya, Influenza A & B, Penyakit Tangan, Kaki dan Mulut (HFMD), Bronkitis dan Pneumonia, manfaat rider ini akan membayar 95% daripada bil rawatan, dengan hanya 5% bayaran bersama (*co-payment*) oleh pelanggan. Manfaat pesakit luar ini menjadikan pelan ini unik, kerana perlindungan sebegini jarang ditawarkan dalam pelan kad perubatan biasa, sekali gus memberikan ketenangan dan sokongan tambahan kepada pelanggan ketika mereka amat memerlukannya.

Sekiranya keadaan kesihatan pelanggan memerlukan kemasukan ke hospital, mereka akan dirujuk ke fasiliti perubatan di bawah rangkaian *The Great Journey Hospital*. Kos rawatan di hospital pula akan ditanggung mengikut Had Tahunan Keseluruhan yang ditetapkan dalam pelan perubatan. Proses lancar daripada rawatan pesakit luar sehingga kemasukan ke hospital ini memastikan para pelanggan menerima penjagaan kesihatan dan sokongan kewangan di sepanjang proses rawatan. Dalam situasi kecemasan yang melibatkan nyawa seperti serangan jantung, pelanggan akan dibawa terus ke bahagian kecemasan di hospital yang berkenaan. Bagi kes kecemasan, caj bayaran bersama dan deduktibel akan dikecualikan sepenuhnya, membolehkan pelanggan menerima perlindungan penuh tanpa sebarang bayaran tambahan.

Ketua Pegawai Eksekutif Great Eastern Takaful, Encik Shahrul Azlan Shahrman berkata, "Kami percaya bahawa perlindungan haruslah mudah, telus dan penuh empati. Itulah matlamat utama kami dengan i-Medi Evolusi. Kami ingin pelanggan berasa yakin untuk mendapatkan rawatan awal sebelum sesuatu keadaan menjadi lebih serius dan

memerlukan kemasukan ke hospital. Melalui rangkaian *The Great Journey Clinic*, mereka boleh mendapatkan rawatan pantas untuk penyakit tertentu dengan kos minimum tanpa sebarang keraguan. Pendekatan ini mencerminkan komitmen kami untuk menyediakan penjagaan kesihatan proaktif, di mana intervensi awal dapat memberikan keputusan dan ketenangan yang lebih baik. Ini bukan sekadar pelan, ia adalah satu kepastian bahawa kami akan bersama pelanggan di setiap langkah perjalanan mereka.”

i-Medi Evolusi Rider turut menggalakkan perlindungan kesihatan yang mampan dengan menggalakkan penggunaan kad perubatan secara bertanggungjawab, memastikan manfaat hospital sepenuhnya digunakan untuk situasi kecemasan dan keperluan perubatan yang wajar, sambil turut menyediakan perlindungan pesakit luar. Di samping perlindungan kewangan, rangkaian *The Great Journey Hospital* turut menawarkan pelbagai keistimewaan eksklusif yang memberikan pengalaman lebih baik kepada pelanggan, termasuk pengecualian deposit dan caj pentadbiran, urusan pantas untuk kanak-kanak, perkhidmatan Great Assist, serta layanan prihatin seperti bakul hadiah percuma, semuanya disediakan khas buat pelanggan demi rawatan dan penjagaan kesihatan yang lebih lancar dan selesa.

Sempena pelancaran ini, Great Eastern Takaful turut melancarkan **kempen selama sebulan yang menawarkan pelanggan empat kali ganda Had Tahunan Keseluruhan sehingga RM8 juta**, sebagai tanda komitmen terhadap perlindungan yang menyeluruh dan inklusif. Dengan i-Medi Evolusi Rider, Great Eastern Takaful melangkah penuh yakin dalam menambah baik pengalaman perlindungan kesihatan para pelanggan. Bagi mereka yang ingin mendapatkan maklumat lanjut, para perunding takaful kami sedia memberikan panduan yang teliti bagi membantu pelanggan membuat keputusan dengan berhemat dan yakin.

Untuk maklumat lanjut mengenai Rider i-Medi Evolusi, sila layari www.greateastertakaful.com atau hubungi perunding takaful kami untuk bantuan lanjut.

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil/produk yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia (PIDM) sehingga had perlindungan. PERLINDUNGAN PIDM UNTUK MANFAAT YANG DIBAYAR DARIPADA BAHAGIAN UNIT SIJIL/PRODUK INI ADALAH TERTAKLUK KEPADA SYARAT-SYARAT TERTENTU. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans (TIPS) PIDM atau hubungi Great Eastern Takaful Berhad atau PIDM (layari www.pidm.gov.my)

-TAMAT-

MENGENAI GREAT EASTERN TAKAFUL BERHAD

Great Eastern Takaful Berhad adalah syarikat usaha sama antara i Great Capital Holdings Sdn Bhd (i-Great), anak syarikat Great Eastern Holdings Limited dan Koperasi Angkatan Tentera (M) Berhad. Sejak ditubuhkan pada tahun 2010, Great Eastern Takaful komited dalam menyediakan produk perlindungan takaful keluarga komprehensif yang memberi perlindungan kesihatan dan kewangan patuh syariah dalam usahanya untuk merapatkan jurang perlindungan di kalangan rakyat Malaysia, termasuk kumpulan berpendapatan rendah (B40). Menzahirkan pendekatan Takaful untuk Semua, operasi perniagaan GETB disokong oleh pelbagai saluran pengedaran, rakan perniagaan korporat dan perbankan untuk terus mengukuhkan kedudukannya dalam industri dan memenuhi keperluan perlindungan para pelanggan.

Melangkaui operasi perniagaan, Great Eastern Takaful juga giat menjalankan pelbagai inisiatif tanggungjawab sosial yang memfokuskan pendidikan (GET-Pintar), pembangunan komuniti (GET-Care)

dan kelestarian alam sekitar (GET-Green) demi membantu masyarakat memperoleh kualiti hidup yang lebih baik.

Aspirasi Great Eastern Takaful untuk mencapai kejayaan bersama rakyat Malaysia adalah terbukti melalui pelbagai anugerah dan pengiktirafan tempatan dan antarabangsa. Antara pengiktirafan terkini adalah anugerah “Pengendali Takaful Terbaik Malaysia 2022” oleh Global Business Outlook Awards dan pada tahun 2023, Great Eastern Takaful diiktiraf sebagai “Most Valuable Brand – Takaful Solutions” oleh The BrandLaureate BestBrands Awards, “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA) serta pelbagai anugerah Takaful Star Awards oleh Persatuan Takaful Malaysia. Tahun 2024 menyaksikan Great Eastern Takaful diperakui sebagai “Majikan Terbaik” oleh Anugerah Majikan Terbaik Kincentric, dianugerahkan sebagai “Penyedia Penyelesaian Takaful Terbaik” oleh Global Islamic Finance Awards (GIFA), diiktiraf dengan “Anugerah Inisiatif – Upcycling” oleh ESGBusiness Awards di samping menerima beberapa anugerah lain daripada HR Excellence Awards 2024. Untuk maklumat lanjut, sila layari www.greateastertakaful.com. Great Eastern Takaful juga merupakan ahli PIDM.

Pihak Kerajaan juga telah melantik Great Eastern Takaful sebagai pengurus skim mySalam, yang merupakan skim perlindungan kesihatan nasional yang dikawalselia oleh Bank Negara Malaysia.

Untuk keterangan lanjut, sila hubungi:

Mastura Abd Rahim
Penolong Naib Presiden – Penjenamaan & Komunikasi Korporat
Great Eastern Takaful Berhad
Tel: +6016 - 209 234
E-mel: MasturaAbdRahim@greateastertakaful.com